



اُنِيْوَرْسِيْتِيْ تِكْنُوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

EDISI 3
OKTOBER 2025

U

R

H

P

KELAB & PERSATUAN PELAJAR : MELAHIRKAN PEMIMPIN, PEMBENTUKAN KARAKTER

SHAHRIK ANUAR ABDUL GHALIM & MUSTAFA KAMAL MAT²

¹Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM Kampus Rembau

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Kampus Rembau



Kehidupan di kampus adalah suatu anjakan pengalaman yang besar dalam naratif kehidupan seseorang pelajar seandainya mereka memilih untuk bergiat aktif di luar waktu kuliah bagi melebarkan sifat, sikap dan ketrampilan diri bagi memenuhi kriteria lengkap seorang bakal graduan. Pengalaman yang diperoleh akan mematang ilmu dan mendewasakan pemikiran pelajar dalam menempuh kehidupan mendatang. Ini merupakan aset berharga yang perlu dimiliki oleh seorang bakal graduan yang bukan sahaja perlu cemerlang dari sudut akademik malah telah diuji dengan pelbagai pengalaman yang tertentu berdasarkan aktiviti-aktiviti yang telah disusun oleh kelab dan persatuan. Peluang ini harus direbut oleh pelajar kerana pengalaman berpersatuan ini merupakan ruang dan peluang anda untuk membuktikan kebolehan bakat, keaktifan diri dan kecenderungan minat anda disalurkan dengan berkesan.




Sebagai pelajar universiti, sudah pasti yang menjadi keutamaan dan fokus adalah kecemerlangan akademik. Namun, kecemerlangan akademik akan menjadi lebih seimbang jika pelajar memiliki nilai tambah yang akan memberikan kelangsungan yang positif dalam membentuk ketrampilan dan personaliti diri. Oleh itu, platform terbaik untuk mendapatkan nilai tambah yang dimaksudkan adalah melalui penglibatan dalam persatuan atau kelab di bawah naungan universiti. Pelajar harus memanfaatkan peluang ini sebaik mungkin demi menggapai misi dan visi universiti untuk melahirkan produk graduan yang cemerlang dalam segenap sudut.

Umum mengetahui bahawa persatuan dan kelab yang ditubuhkan mempunyai objektif tersendiri. Penubuhannya juga adalah berpandukan kepada minat berteraskan kepada kepelbagaian fokus. Antaranya seperti kebudayaan, seni mempertahankan diri, sukan dan rekreasi, kepimpinan, keusahawanan, kerohanian, kebajikan dan ada juga berteraskan fakulti atau program yang wujud. Kesemua ini adalah adunan lengkap yang bakal memberikan impak positif dalam kecemerlangan sesebuah universiti. Makanya, pelajar haruslah sehabis baik untuk menyantuni aspirasi universiti dengan melibatkan diri dalam aktiviti berpersatuan dan kelab demi kelangsungan kecemerlangan universiti.

Melalui persatuan dan kelab, pelajar akan dapat mengaplikasi ilmu di luar kelas kerana persatuan/kelab mempunyai latar belakang pelajar yang pelbagai seperti berlainan fakulti atau program, tahun kemasukan, karektor, pengalaman dan sebagainya. Kepelbagaian ini merupakan cabaran awal pelajar untuk menyesuaikan diri dalam membentuk kebersamaan untuk mencapai objektif yang sama.

Semuanya disatukan dengan peranan masing-masing dan cara pengurusan yang lebih bertoleransi. Ini sangat membantu pembentukan personaliti pelajar bila mana mereka akan menjalankan fungsi mengikut lantikan di dalam persatuan/kelab. Penyesuaian diri dalam kumpulan yang pelbagai latar adalah pengalaman yang sangat berharga kerana inilah realiti yang akan mereka hadapi ketika mereka tamat dan menceburi alam pekerjaan.





Melalui aktiviti bersandarkan persatuan/kelab pula akan mendekatkan hubungan mereka melalui semangat kerja berpasukan dan saling interaksi antara satu sama lain. Aspek kerja berpasukan dan komunikasi merupakan wadah yang amat diperlukan dalam menjayakan inspirasi sesuatu organisasi. Semangat kerjasama dan keberkesanan komunikasi adalah teras bagi sebuah kejayaan berpasukan. Pelajar akan dapat menimba pengalaman ketika menguruskan sesuatu aktiviti dan melaluinya lahirlah pelapis kepimpinan baharu. Ini bersandarkan dengan ciri-ciri kepimpinan akan terserlah jika suatu kumpulan itu menghadapi masalah dan perlu mencari jalan keluar bagi penyelesaian masalah tersebut. Maka proses inilah yang akan membentuk karektor kepimpinan seseorang pelajar dan ianya dapat dikesan apabila pelajar aktif di dalam persatuan.



Kepimpinan bukan sekadar terletak pada jawatan yang disandang di dalam persatuan/kelab tetapi lebih kepada pembentukan karektor, membina keyakinan dan menilai kebijaksanaan dalam membentuk pendapat umum atau keputusan bersama dalam kumpulan. Tak kiralah tanpa jawatan sekali pun kerana pengalaman tidak dinilai dengan surat lantikan semata-mata malah lebih dari itu.

Tidak dapat dinafikan, penglibatan berpersatuan/kelab mempunyai banyak kebaikan jika pelajar serius melaksanakan tanggungjawab mereka. Segala aktiviti harus disahut dengan sikap positif sebagai salah satu cabang memantapkan diri pelajar. Ambil peluang yang wujud untuk memperkemaskan langkah dalam menghadapi kehidupan yang semakin mencabar. Anda merupakan sandaran harapan negara pada masa hadapan. Persiapkan diri dengan nilai tambah yang mampu dijadikan bekalan dalam menempuh kehidupan di luar sana. Jadikan persatuan/kelab titian terbaik untuk anda mengilap bakat kepimpinan dan personaliti yang mampu menyumbang kepada kelangsungan agama, bangsa dan negara.